



# PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-11031980 / WWW.PIKM.MY

#### Presiden

DATO' SRI HJ RAMLI B. HJ YUSUFF

#### Timbalan Presiden

KAPTEN NAJMUDDIN B. MOHD IBRAHIM (B)

#### Naib Presiden

MEJ. JEN. DATO' MOHD YUNUS B. LONG (B)

SALIZA BT ABDULLAH

MOHAMMAD UBAIDILLAH B. IMAN

#### Setiausaha Kehormat

KU NORAZMI B. DATO' HJ. IMAN ASMAWI

#### Bendahari Kehormat

IR. SOFIA BT DATO' IR. JOHARI

#### Penolong Setiausaha

ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

#### Penolong Bendahari

DATO' HABIBULLAH B. DATO' HJ AHMAD

#### Ahli-ahli Jawatankuasa

DATO' HJ. JAAFAR B. HJ MAT

KAPTEN DATO' ISMAIL B. ISHAK (B)

MOHD YUSOFF B. M DAUD

ADNAN B. ABDULLAH

ADILA B. DATO' ABDULLAH

BRIG. JEN. DATO' ZAINAL B. ABD RAHMAN

TUDM(B)

MOHAMMED FADZLAN B. MUSTAPA

DATO' DR. BASANT SINGH SIDHU

DATUK ZAIDI B. MOHAMED

#### Juruaudit Dalam

MOHD HODORI B. SARBINI

ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

#### Pengerusi Zon WP Kuala Lumpur

DATO' ROSMARAYU BT MOKHTAR

#### Pengerusi Zon Selangor

SHANKER RAJ AYANGER

#### Pengerusi Zon Johor

DATUK MHD. TAHIR B. MOHD NOAH

#### Pengerusi Zon Perak

ZAITON BT MOHD NUSI

#### Pengerusi Zon Kelantan

AFENDI BIN MUKHTAR

#### Pengerusi Zon Pahang

MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

#### Pengerusi Zon Pulau Pinang

MUHAMMAD SYAFIQ B. ISHAK

#### Pengerusi Zon Kedah & Perlis

DATO' PADUKA HJ AB RAHAMAN BIN JAPAR

#### Pengerusi Zon Melaka

DATO' GAN PENG LAM

#### Pengerusi Zon Negeri Sembilan

MEJ. MOHD ZAINAL B. JUNI (B)

#### Pengerusi Zon Sabah

KAPTEN MAZALAN B. FADZIL (B)

#### Pengerusi Zon Sarawak

SHAHARUDDIN B. SAMSI

#### Sekretariat

#### Pengurus Besar

JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2020(42)

26 OGOS 2020

## SEMUA AHLI PIKM

(U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### SURAT EDARAN PIKM KE - 42/2020:

### KEMUDAHAN KEWANGAN DARI CREDIT GUARANTEE CORPORATION (CGC) BAGI AHLI-AHLI PIKM

Dimaklumkan bahawa PIKM telah mengadakan perbincangan bersama Credit Guarantee Corporation (CGC) pada 6 Ogos 2020 bagi meneroka kemudahan-kemudahan kewangan yang ditawarkan oleh CGC untuk ahli PIKM bagi bantuan pembiayaan perniagaan dalam melaksanakan kontrak atau projek yang dibida.

2. CGC telah ditubuhkan sebagai anak syarikat Bank Negara Malaysia (BNM), dan telah diberi mandat untuk membantu kontraktor-kontraktor Bumiputera yang telah mendapat kontrak atau projek dari Kerajaan, Agensi Milik Kerajaan, Syarikat Multi-Nasional atau Syarikat Swasta terpilih. Untuk tujuan itu, BNM telah memperuntukkan RM300 juta di bawah **Skim Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i) 2.0 yang memberi tumpuan kepada projek Pembinaan, Pembekalan, Penyelenggaraan dan Perkhidmatan.**

3. Pihak CGC sedar bahawa sebahagian besar ahli Persatuan memberikan perkhidmatan berdasarkan projek dan terdapat juga yang menggunakan syarikat pemfaktoran bagi tujuan pembiayaan. Melalui skim yang diperkenalkan CGC, kesemua ahli PIKM berpeluang untuk **meneroka skim TPUB-i 2.0 sebagai alternatif pemfaktoran dengan kos pembiayaan yang dimaklumkan jauh lebih rendah iaitu pada kadar 5% setahun.** (Dimaklumkan CGC, caj pemfaktoran pihak lain berkisar antara 1.5% hingga 2.0% sebulan yang bersamaan dengan 18% hingga 24% setahun).

4. Berikut ini merupakan antara ciri-ciri produk Skim TPUB-i di bawah *Revolving Financing Facility Invoice Financing (RFF IF)*:

**4.1 Had Pembiayaan: sehingga RM1.0 juta**

**4.2 Pembayaran Balik: Bayaran Penuh Sekaligus melalui Serahan Hasil Kontrak**

**4.3 Kadar Keuntungan: 5% setahun**

**4.4 Tempoh Pembiayaan: 2 tahun**

5. CGC telah **melancarkan Tabung Projek Usahawan Bumiputera (TPUB-i) 2.0** pada 19 Ogos 2020 dan telah dihadiri oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dan beberapa Persatuan dan Pertubuhan iaitu CIDB Wilayah, Persatuan Kontraktor Bumiputra Malaysia (PKBM), Pertubuhan Keusahawanan Telekomunikasi Bumiputra Malaysia (PKTBM) dan Persatuan Kontraktor Kelas F (PERKOF), dan PIKM. Acara ini bagi merasmikan penambahbaikan kemudahan, proses, penilaian dan penyampaian produk yang berkaitan.

Liputan berita berkenaan ini boleh dilayari seperti di pautan berikut :  
<http://mrembm.bernama.com/viewsm.php?idm=13683>.

6. CGC juga turut memberi bantuan pembiayaan bagi syarikat baru (*new start-up*) yang beroperasi tidak lebih daripada 4 tahun. **BizMula-i dan BizWanita-i** adalah dua skim yang dirancang untuk syarikat baru dengan pembiayaan hingga RM300,000 dan kadar keuntungan dikenakan serendah 7.0% setahun (6.8% setahun untuk BizWanita-i) bagi jangka masa hingga 5 tahun.

7. Sebagai manfaat ahli Persatuan, syarikat yang ingin mendapatkan maklumat lanjut berkaitan kemudahan pembiayaan yang ditawarkan oleh CGC, boleh menghubungi **pegawai bertugas En. Nazrizal bin Mat Noh di talian 012-5766350 atau En. Nik Mohammad Hardian bin Nik Ahmad di talian 011-23285558**. Borang permohonan pembiayaan seperti di lampiran perlu dihantar ke alamat emel [info@pikm.my](mailto:info@pikm.my).

8. Semoga tawaran yang disediakan oleh CGC dapat memberi manfaat lanjut kepada ahli-ahli PIKM.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF**  
**PRESIDEN**



**BORANG KEMUDAHAN KEWANGAN DARI  
CREDIT GUARANTEE CORPORATION (CGC)  
BAGI AHLI-AHLI PIKM**

**MAKLUMAT SYARIKAT**

Nama Syarikat \_\_\_\_\_

Alamat \_\_\_\_\_

Kemudahan  
yang ingin  
dipohon \_\_\_\_\_

**MAKLUMAT PEGAWAI BERTUGAS**

Nama \_\_\_\_\_

Jawatan \_\_\_\_\_

No. Tel Bimbit \_\_\_\_\_ No. Tel.  
Pejabat \_\_\_\_\_

Emel \_\_\_\_\_